

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, August 3, 2017 10:49 PM
To: UUM - All Staff
Subject: SUMBANGAN DERMA UNTUK PROF. MADYA MD ZAHIR MAT CHA



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



03 OGOS 2017 / 10 ZULKAEDAH 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

SUMBANGAN DERMA UNTUK PROF. MADYA MD ZAHIR MAT CHA



UUM ONLINE: Adalah dimaklumkan bahawa Prof. Madya Md Zahir Mat Cha, Timbalan Pengarah di Pusat Asasi Pengurusan UUM kini berada di Hospital St. Vincent's, Sydney, Australia akibat penyakit angin ahmar. Beliau ditimpa penyakit ini pada 31 Julai 2017 semasa sedang dalam tempoh bercuti rehat ke luar negara bagi mengikuti lawatan kerja KISMEC (Kedah Industrial Skills And Management Development Centre) pada 28 Julai 2017 hingga 6 Ogos 2017 di mana beliau adalah merupakan salah seorang Ahli Lembaga Pengarahnya.

Beliau sendiri tidak mencarum insuran perjalanan luar negara seperti yang telah disyaratkan kepada semua staf mengikut ketetapan dalam pekeliling berkaitan yang sedang berkuatkuasa. Peraturan Perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa juga menyatakan bahawa Kerajaan dan Agensi terlibat tidak akan bertanggungjawab membiayai apa jua bayaran dan tanggungan termasuk perubatan sekiranya ke luar negara atas urusan persendirian atau bercuti rehat.

Pihak UUM telah mengambil semua langkah-langkah perlu bagi membantu meringankan masalah kewangan dan memudahkan urusan beliau dan isterinya di Australia. Namun, kemampuan UUM amat terbatas memandangkan kos rawatannya amat tinggi. Pihak Universiti juga telah memohon kerjasama dan bantuan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Luar Negeri untuk membantu termasuk mempermudah urusan untuk membawa pulang beliau bersama isteri ke Malaysia.

Sehubungan dengan itu, pihak Universiti amat mengalu-alukan sumbangan derma daripada semua staf yang boleh disalurkan melalui Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing untuk disumbangkan kepada isteri beliau bagi meringankan beban yang ditanggung. Sumbangan tersebut bolehlah diserahkan oleh PTJ masing-masing kepada pihak Bendahari UUM selewat-lewatnya pada 8 Ogos 2017 (Selasa).

Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Encik Baharudin Yaacob, Timbalan Pendaftar di talian 04-9283102 / 0194511451; email : baha646@uum.edu.my atau Ustaz Mohamad Usamah Ismail di talian 04-9283180/ 0124218462 ; emel usamah@uum.edu.my

Marilah kita bersama meringankan beban saudara kita ini. Semoga Allah s.w.t. akan meringankan beban kita di akhirat kelak.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.